

28/11/1997

Anggota Asean tidak boleh memencil diri

KERJASAMA erat dalam Asean tidak membenarkan mana-mana negara anggota memencilkan diri atau mengelak diri daripada mencampuri masalah negara anggota lain kumpulan itu, kata Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Kerana keakraban itulah, kesembilan negara dalam kumpulan itu mengamalkan konsep hubungan membina walaupun dasar tidak campur tangan dalam hal-ehwal dalaman negara lain masih terpakai, katanya.

Menjawab soalan Ketua Pembangkang Lim Kit Siang (DAP-Tanjung) pada persidangan Dewan Rakyat hari ini, beliau berkata, dasar yang sama juga terpakai antara Asean dan Myanmar kerana negara itu kini anggota Asean.

Mengenai kemajuan yang telah dicapai Myanmar dalam mewujudkan negara demokrasi sejak kemasukannya dalam Asean empat bulan lalu, Abdullah berkata Asean telah dimaklumkan usaha ke arah penyelesaian konflik di Myanmar masih berjalan dan Asean menganggap proses itu sebagai amat penting.

Katanya walaupun Asean mengamalkan dasar tidak mencampuri hal-ehwal dalaman negara lain, ia diberi peranan utama untuk mencari penyelesaian kepada konflik di negara itu.

Sebelum itu, Timbalan Speaker Ong Tee Kiat menolak soalan tambahan yang dikemukakan Datuk Jamaluddin Jarjis (BN-Rompin) yang ingin tahu perkembangan usul yang hendak dibawa anggota Kongres Amerika Syarikat terhadap Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, atas alasan ia terkeluar jauh dari soalan asal.

Semasa menjawab soalan tambahan Ruhanie Ahmad (BN-Parit Sulong), Abdullah berkata Malaysia tidak perlu mengamalkan konsep hubungan membina dengan Amerika Syarikat.

(END)